

HUSAIN (empat dari kiri) ketika simbolik penerimaan Kotak Rezeki dari Raja Zalina (dua dari kanan).

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

# USAHA 25 WANITA UNTUK KOMUNITI

## *Cadbury sampaikan sumbangan istimewa bersama Kotak Rezeki kepada 150 asnaf dalam program TKHM*

**Petaling Jaya**

Buat julung kalinya Harian Metro menerusi program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bekerjasama dengan pengeluar jenama snek coklat yang sinonim dengan rakyat Malaysia, Cadbury Dairy Milk (Cadbury) bagi menyantuni 150 golongan asnaf dan memerlukan di sekitar Kota Damansara.

Sempena mengambil keberkahan Ramadan, program Titipan Kasih Ramadan Harian Metro Bersama Cadbury menyampaikan sumbangan Kotak Rezeki bagi menceria dan meringankan beban kewangan golongan sasar dalam menyambut Ramadan dan membuat persiapan Aidilfitri.

Ketua Hal Ehwal Korporat (Malaysia dan Singapura) Mondelez International, Raja Zalina Raja Safran berkata, program terbabit selaras dengan matlamat Cadbury untuk menyumbang kembali kepada komuniti terutama pada Ramadan ini dalam berkongsi rezeki kepada golongan memerlukan.

"Untuk program TKHM ini, kami sediakan 150 Kotak Rezeki yang diagihkan kepada masyarakat memerlukan sekitar Kota Damansara.

"Semua orang kenal coklat Cadbury dan suka rasanya. Kami bangga dengan jenama Cadbury yang sudah 75 tahun berada di Malaysia sehingga kami dapat memberi kembali kepada komuniti.

"Dengan kerjasama dalam program TKHM kali ini, kami dapat luaskan lagi sumbangan dalam membantu dan memberi sokongan kepada rakyat Malaysia memerlukan," katanya pada Majlis Penyampaian Kotak Rezeki Titipan Kasih Ramadan Harian Metro Bersama Cadbury di Masjid Kota Damansara di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Raja Zalina bersama Pengarang Kumpulan Harian Metro merangkap Pengerusi Projek TKHM, Husain Jahit.

Turut hadir, Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) Harian Metro, Yusri Abdul Malek, Pengarang Berita Kanan Harian Metro merangkap Pengarah Projek TKHM, Noor Azam Ab Aziz, Pengurus Komunikasi Korporat (Malaysia, Singapura dan Asia Tenggara) Mondelez International, Beatrice Wang serta Pengurus Jenama Mondelez International, Amanda Loo.

Selain Kotak Rezeki, Raja Zalina berkata, pihaknya berbesar hati menyampaikan sumbangan istimewa, biskut tart coklat Cadbury kepada 150 asnaf dan golongan memerlukan terbabit.

"Biskut tart yang kami kongsikan hari ini inisiatif program tanggungjawab sosial korporat Cadbury iaitu 'Kuih Raya Dari Hati' yang dihasilkan melalui kerjasama antara Cadbury dan Yayasan MyKasih yang bermatlamat memperkasa dan memberikan sokongan kepada golongan ini dalam menjana pendapatan untuk keluarga menjelang Aidilfitri ini.

"Seramai 25 wanita kebanyakannya ibu tunggal dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dan PPR Sri Pantai dilantik untuk menghasilkan 454,400 tart Cadbury iaitu lebih tiga kali ganda dari tahun lepas.

"Sebahagian jumlah ini disalur kepada badan atau program kebajikan seperti TKHM manakala sebahagian lagi boleh dicuba rakyat Malaysia secara percuma dengan pembelian produk Cadbury di beberapa hypermarket terkemuka seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Husain berkata, Harian Metro berbesar hati kerana buat pertama kalinya dapat bekerjasama dengan pihak Cadbury bagi menyalurkan sumbangan Kotak Rezeki secara terus kepada golongan asnaf dan memerlukan dalam kariah Masjid Kota Damansara.

"Gandingan bersama Cadbury ini adalah satu kerjasama strategik yang dapat membantu merapatkan hubungan silaturahim antara rakan korporat dan komuniti setempat, sekali gus menceriakan dan meringankan sedikit sebanyak beban kewangan mereka dalam menjalani ibadah berpuasa dan persiapan untuk sambutan Aidilfitri ini.

"Sambutan agak baik apabila kita lihat ramai orang datang. Kita harap kerjasama dengan Cadbury berterusan pada masa akan datang dan syarikat korporat lain terus menyokong Harian Metro dalam melaksanakan program ini agar lebih ramai lagi golongan memerlukan dapat kita bantu," katanya.





> *Kami bangga dengan jenama Cadbury yang sudah 75 tahun berada di Malaysia*
> Raja Zalina





PENERIMA mengangkat Kotak Rezeki yang disumbangkan.





HUSAIN dan Raja Zalina (tengah) bersama penerima Kotak Rezeki ketika Program TKHM Bersama Cadbury di Masjid Kota Damansara. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH



RAJA Zalina (tengah) bersama Husain (dua dari kanan) beramah mesra dengan Azizah dan suami.

# *Dapat berjimat persiapan lebaran*

**Petaling Jaya:** Sambutan Ramadan dan Aidilfitri tahun ini membawa makna dan keceriaan kepada 150 golongan asnaf dan memerlukan di sekitar Kota Damansara apabila menerima Kotak Rezeki Titipan Kasih Ramadan Harian Metro Bersama Cadbury Dairy Milk (Cadbury).

Istimewanya, Kotak Rezeki mengandungi barangan keperluan asas seperti gula, susu pekat, tepung, biskut, teh, kopi, kicap, sos cili, sardin dan bihun turut disajikan dengan biskut tart coklat Cadbury yang dihasilkan 25 wanita dan ibu tunggal yang dilantik untuk melaksanakan projek 'Kuih Raya Dari Hati' iaitu program tanggungjawab sosial korporat antara Cadbury dan Yayasan MyKasih.

Ibu tunggal, Surahaya Abdul Rahman, 50, dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seksyen 8 berkata, sumbangan Kotak Rezeki berkenaan amat meringankan bebannya kerana pendapatan tidak menentu.

> **"Sumbangan ini sudah tentu meringankan beban persiapan raya kami tahun ini kerana tidak perlu keluar duit banyak"**
> *Jaferi Salleh*

"Keadaan cuaca hujan dan panas terik menyebabkan saya kurang ambil tempahan bagi menghantar makanan dan barangan kerana menggunakan motosikal.

"Alhamdulillah, rezeki saya dipilih menerima Kotak Rezeki Harian Metro dan Cadbury ini, jadi sedikit sebanyak dapat meringankan beban saya dalam bulan Ramadan dan menyambut Aidilfitri nanti," katanya.

Seorang lagi penerima, Jaferi Salleh, 60, dari PPR Seksyen 4 berkata, sumbangan itu membantunya berjimat cermat dalam membuat persiapan Aidilfitri.

"Sumbangan ini sudah tentu meringankan beban persiapan raya kami tahun ini kerana tidak perlu keluar duit banyak.

"Duit yang ada boleh digunakan untuk beli keperluan lain yang lebih penting," katanya.

Bagi penerima warga emas, Azizah Abd Aziz, 66, dia menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Harian Metro dan Cadbury menyantuninya dan suaminya Adnan Bain,68.

"Saya berterima kasih kepada pihak berkenaan kerana dengan adanya sumbangan ini, kami dapat berjimat dalam membuat persiapan raya.

"Harap program seperti ini dapat diteruskan untuk membantu golongan memerlukan," katanya.



RAJA Zalina (kanan) menunjukkan biskut tart coklat Cadbury kepada Jaferi (tiga dari kanan) sambil ditemani Husain (dua dari kiri) dan Pengurus Masjid Kota Damansara, Mohammad Nor Salami (tiga dari kiri).